

INTERVENSI KAUNSELING ISLAM TERHADAP WANITA HAMIL LUAR NIKAH DI RUMAH PERLINDUNGAN TERPILIH

Islamic Counseling Intervention for Unmarried Pregnant Women in Selected Shelters

**Nur Ain Sumaiyah@Sumitra Valaitham*,
Raihanah Bt Abdullah*, Nurul Husna Bt Mansor**,
Orchid Erik Sabti Rahmawati*****

*Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

**Department of Da'wah and Human Development,
Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

***Department of Syariah, Universitas Islam Negeri
Maulana Malik Ibrahim, Indonesia

*(Corresponding author) e-mail: nurulhusna@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/syariah.vol33no2.3>

ABSTRACT

Counseling intervention is one of the important elements in the recovery of unmarried pregnant women. The main objective of this study is to explore the impact of Islamic counselling approach in the rehabilitation programs at these shelters and to suggest ways to enhance this implementation in shelters, specifically Darul Wardah (DARWA) Shelter in Selangor, Pusat Jagaan Baitus Solehah (BS) in Johor, and Generasiku Sayang (GKS) in Kelantan. A qualitative approach was

employed, utilising a multiple case study design and semi-structured interviews to analyse counselling intervention in recovery programs for unmarried pregnant women in selected shelters. The participants of this study consisted of two groups: (a) six shelter residents, and (b) four authority figures, including managers and counsellor. The study findings indicated that all three shelters organize counseling programs based on Islamic principles. However, the study also found that the shelters require specialized counseling programs for unmarried pregnant women according to their needs.

Keywords: *counselling, intervention, women, unmarried pregnancy, shelter*

PENDAHULUAN

Berdasarkan statistik global, hampir 15 ribu wanita muda berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun, dan 90% daripada mereka adalah yang hamil luar nikah dalam lingkungan umur 15 hingga 19 tahun.¹ Menurut Tabung Kependudukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA), kehamilan yang tidak diingini di kalangan wanita mencapai sekitar 121 juta setiap tahun di seluruh dunia.² Situasi ini memberi kesan besar kepada Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) apabila kehamilan luar nikah turut menyumbang kepada peningkatan statistik pembuangan bayi selama lima tahun berturut-turut. Selangor, misalnya, mencatatkan jumlah tertinggi kes pembuangan bayi dengan 175 kes diikuti oleh Sabah, Johor, dan Kuala Lumpur.³ Rekod Jabatan Pendaftaran Negara menunjukkan bahawa sejak tahun 2020 sehingga Oktober 2024, terdapat sebanyak 133 946 pendaftaran kelahiran anak tidak sah taraf.⁴ Laporan UNFPA juga menyatakan bahawa hampir 60% kehamilan tidak diingini berakhir dengan pengguguran sebagai usaha untuk menyembunyikan kehamilan tersebut yang merupakan pelanggaran terhadap Konvensyen Hak Kanak-Kanak (KHKK) 1989.

¹ World Health Organization. Adolescent pregnancy 2018 [updated 23 February; cited 29 2018 May]. Available from: <https://www.who.int/newsroom/factsheets/detail/adolescent-pregnancy>

² 30 Mac 2022 <https://www.unfpa.org/press/nearly-half-all-pregnancies-are-unintended-global-crisis-says-new-unfpa-report>

³ Bernama, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1227819/509-kes-buang-bayi-dilaporkan-sejak-2018-hingga-februari-lalu> 24 Januari 2024

⁴ Astro Awani, <https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/133946-pendaftaran-anak-tidak-sah-taraf-sejak-2020-x9ah854> 9 Disember 2024

Salina Nen dan Farah Hidayah Hashim menyatakan kebanyakan wanita hamil luar nikah yang terlibat dalam kajian mereka mengalami masalah kemurungan dan kebimbangan melampau. Masalah ini dihadapi mereka adalah disebabkan oleh perasaan rasa malu dan marah terhadap diri dengan kehamilan tanpa rancang. Kemurungan yang dialami oleh wanita hamil luar nikah ini memberi impak yang besar kepada pembuangan bayi dan bunuh diri.⁵ Justeru itu dalam kajian Kim dan kawan-kawan menyarankan wanita yang bersalin di usia muda memerlukan sokongan sosial dan psikologi dalam membantu mereka menghadapi realiti kehidupan dengan mengurangkan kemurungan dan tekanan mereka.⁶ Antara simptom-simptom kemurungan berdasarkan DSM IV yang diketengahkan oleh ahli psikologi adalah seperti hilang minat melakukan aktiviti harian, gangguan tidur, tidak mempunyai selera makan, berasa bersalah, senantiasa ingin bunuh diri, hilang minat belajar dan mudah menangis yang perlu mendapat perhatian oleh pihak berkaitan.

Senario ini menunjukkan bahawa undang-undang sahaja tidak mencukupi dalam mengekang kehamilan luar nikah dalam kalangan wanita dan isu jenayah pembuangan bayi. Malah, keperluan program-program intervensi yang khusus perlu dilaksanakan bagi membendung masalah menjurus kepada jenayah lain dalam kalangan wanita hamil luar nikah. Dalam menghadapi isu ini, pihak kerajaan telah mengusahakan pelbagai mekanisme bagi tujuan pemulihan wanita hamil luar nikah. Sebagai contoh, pengubalan Akta Pusat Jagaan (Akta 506) peruntukan sebarang urusan pendaftaran, pengawalan, dan penguatkuasaan atas pusat jagaan bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan penghuni terjamin. Bagi merealisasikan usaha ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan agensi utama yang menggerakkan usaha pemulihan dengan melibatkan masyarakat dalam pelbagai program menerusi penubuhan Rumah Perlindungan Taman Sri Puteri (TSP). TSP adalah sebuah institusi termaktub dibawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Seksyen 55) sebagai tempat perlindungan bagi pemeliharaan dan pemulihan kanak-kanak dibawah umur 18 tahun. Selain TSP, terdapat pusat perlindungan lain di bawah kelolaan

⁵ Salina Nen dan Farah Hidayah Hashim, "Cabaran Menyesuaikan Diri Sebagai Ibu Muda Dalam Kalangan Remaja Hamil Luar Nikah: Satu Kajian Kualitatif (Challenges of Adapting to Motherhood Among Unwed Adolescents Mother: A Qualitative Study)," *Jurnal Psikologi Malaysia*, 2020, 34, no. 2.

⁶ Hae Won Kim, Duck Hee Kim, Hyang Yuol Lee Young Jin Lee 4 and Hye Young Ahn 5ORCID, "Adult perceptions of healthy pregnancy: a focus-group study," *International Journal of Environmental Research and Public Health* 17, no. 7 (2020): 2460.

JKM seperti Pusat Jagaan Sinar Kasih dan beberapa pusat pemulihan akhlak lain. Pusat Jagaan Sinar Kasih pula ditubuhkan bagi menempatkan pesalah berumur 18 tahun ke atas bagi menjalani pemulihan dan perlindungan sehingga melahirkan kandungan mereka. Tujuan rumah perlindungan ini diwujudkan untuk memberi perlindungan dan membantu pemulihan dalam wanita hamil luar nikah.

Terdapat beberapa bentuk program pemulihan sosial dijalankan di rumah perlindungan seperti bimbingan dan kaunseling Islam, program keagamaan, program latihan vokasional, serta program pembangunan fizikal.⁷ Intervensi kaunseling merupakan salah satu komponen utama dalam pendekatan pemulihan sosial yang signifikan bagi membantu proses pemulihan wanita hamil luar nikah. Melalui sesi kaunseling, individu yang terkesan dapat dibimbing dalam penstrukturan semula pemikiran serta diberikan sokongan emosi yang diperlukan setelah mengalami tekanan atau trauma.⁸ Selain itu, intervensi kaunseling juga berperanan dalam memulihkan kesejahteraan mental melalui pendekatan terapeutik atau sokongan sosial daripada ahli keluarga dan komuniti setempat.⁹ Di Malaysia, intervensi kaunseling telah dilaksanakan sejak lebih empat dekad yang lalu oleh kaunselor bertauliah.¹⁰ Walau bagaimanapun, pelaksanaan perkhidmatan kaunseling di institusi perlindungan khusus untuk wanita hamil luar nikah masih belum menyeluruh dan konsisten.

Menurut Siti Balqis Mohd Azam, pendekatan kaunseling dalam pemulihan wanita hamil luar nikah sangat penting bagi membantu merasional pemikiran dan tingkah laku mereka. Di negara maju, pendekatan terapi pemikiran dan tingkah laku (CBT) dilaksanakan sebagai pendekatan

⁷ Nursyahidah Ibrahim, Nurul Husna Mansor, and Yusmini Md Yusoff, "Bentuk-Bentuk Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur: Classifications of Moral Rehabilitation for Sex Offenders In Malaysia: A Literature Review," *Jurnal Usuluddin* 48, no. 2 (2020): 1-23.

⁸ Norisham, Mohd Al Hafiz, and Muhammad Aziz Shah Mohamed Arip, "Pola Pemikiran Dan Tingkah Laku Kecelaruan Bipolar Menggunakan Teknik Penstrukturan Kognitif Berdasarkan Neo-Cognitive Behavioral Therapy," *Jurnal Dunia Pendidikan* 4, no. 3 (2022): 365-373.

⁹ Sumitra Valaitham, Raihanah Abdullah dan Nurul Husna Mansor, "Penglibatan Komuniti Dalam Program Pemulihan Remaja Hamil Luar Nikah Di Rumah Perlindungan Terpilih: Community Involvement in The Rehabilitation Programme of Unmarried Pregnant Teenagers at Selected Shelter Home," *Jurnal Syariah* 32, no. 1 (2024): 100-128.

¹⁰ Mohd Khir Johari Abas, "Faktor Perkembangan Kaunseling Islam di Malaysia: Satu Kajian: Development Factor of Islamic Counselling in Malaysia: A Study," *Attarbiawi: Malaysian Online Journal of Education* 2, no. 2 (2018): 29-35.

intervensi bagi pesalah seksual terutamanya kehamilan luar nikah. Hasilnya, pelaksanaan pendekatan CBT dalam sesi kaunseling mampu meningkatkan pendedahan diri kesedaran sosial, harga diri empati (*empathy*) dan pengurusan pemikiran devian pesalah¹¹

Ringkasnya, kajian berkaitan wanita hamil luar nikah telah banyak dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu. Pelbagai isu dan cabaran yang dibahaskan oleh pengkaji berkenaan pemulihan wanita hamil luar nikah. Walaubagaimanapun, kajian khusus berkaitan keperluan program kaunseling dalam pemulihan di rumah perlindungan masih kurang dibincangkan yang melibatkan penstrukturkan kognitif dan emosi pesalah seksual. Sehubungan itu, artikel ini akan meneroka intervensi kaunseling Islam dalam program pemulihan di rumah perlindungan bagi pembangunan kesejahteraan diri wanita hamil luar nikah.

PENDEKATAN KAUNSELING DALAM PEMULIHAN WANITA HAMIL LUAR NIKAH MENURUT ISLAM

Kaunseling membawa maksud satu proses membantu klien secara bimbingan dan nasihat bagi mereka mencapai matlamat mereka.¹² Menurut Suradi Salim pula, kaunseling adalah hubungan peribadi bersemuka antara kaunselor dan klien dalam membantu untuk memahami diri mereka.¹³

Dalam istilah bahasa Arab, kaunseling dikenali sebagai "الإرشاد" (*al-Irshad*)

atau "الاستشارة" (*al-Istisharah*). Istilah الإرشاد (*al-Irshad*) merujuk kepada bimbingan atau panduan yang boleh meliputi pelbagai aspek dalam kehidupan, termasuk pendidikan, sosial, dan spiritual manakala istilah الاستشارة (*al-Istisharah*) bererti nasihat atau konsultasi yang melibatkan perbincangan untuk mendapatkan pandangan atau penyelesaian terhadap masalah tertentu.¹⁴ Syed Naquib al-Attas menyatakan kaunseling Islam ialah

¹¹ Siti Hajar Abu Bakar, Haris Abdul Wahab, dan Siti Balqis Mohd Azam, "Pelaksanaan Terapi Tingkah Laku Kognitif Dalam Program Pemulihan Terapeutik Berasas Institusi Untuk Remaja Hamil Luar Nikah," *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia* 17.1 (2019): 83-90.

¹² Mohd Zainuddin Abu Bakar, et al, "Bimbingan Spiritual di Hospital Mesra Ibadah (HMI) di Malaysia: Kajian Kes," *Borneo International Journal of Islamic Studies (BIJIS)* (2020): 67-81.

¹³ Suradi Salim, *Bimbingan dan kaunseling*, Utusan Publications (1996).

¹⁴ Salasiah Hanin Hamjah, "Bimbingan spiritual menurut al-Ghazali dan hubungannya dengan keberkesanan kaunseling: Satu kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAINS)," *Islamiyyat* 32 (2010): 41.

suatu usaha untuk menyeru dan mengajak umat manusia kepada kebaikan dengan tujuan untuk melahirkan seseorang individu Muslim yang mempunyai budi pekerti yang luhur, berdisiplin dan berakhlak Islam.¹⁵

Menurut Abdu Rahman Ibrahim, fokus utama kaunseling Islam adalah proses rehabilitasi yang berlandaskan kepada ajaran Islam. Kaunseling juga bertujuan untuk membantu individu mengenali diri mereka, mengatasi masalah, dan memperbaiki hubungan mereka dengan Allah dan masyarakat. Selain itu, kaunseling Islam juga membantu individu dalam menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan serta memberikan ketenangan jiwa dan harapan supaya mereka tidak merasa putus asa dalam meneruskan kehidupan serta membantu mengembangkan personaliti dan tingkah laku individu ke arah yang lebih baik supaya mampu menyelesaikan segala masalah dan krisis dengan lebih berkesan.¹⁶

Kaunselor merupakan individu yang telah diberi latihan profesional bagi menjalankan sesi kaunseling. Dalam konteks kaunseling Islam, kaunselor adalah pendakwah yang perlu mempunyai beberapa ciri bertepatan bagi membimbing sasaran dakwah mereka. Oleh itu, terdapat beberapa ciri-ciri seorang kaunselor menggunakan pendekatan kaunseling Islam. Antaranya adalah membimbing insan berteraskan akidah bagi menuju keredaan Allah, memberi bimbingan secara profesional, menyemaikan sifat mazmumah dalam diri klien, berhikmah dalam nasihat serta memiliki sifat takwa.¹⁷

¹⁵ Abdu Rahman Ibrahim, *Peranan Kaunseling Dalam Dakwah: Kajian Khusus Di Unit Kerjaya dan Kaunseling Institut Teknologi Mara (ITM) Shah Alam Selangor*, (Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 2001).

¹⁶ Muhammad Afif Zakwan Raizan and Khazri Osman. "Kaedah Berdakwah Menerusi Bimbingan Dan Kaunseling Method of Dakwah Through Guidance and Counselling." *Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah 2022, Interaksi Dakwah Di Malaysia Merentas Zaman*, 14-15 Julai 2022.

¹⁷ Tengku Sarina Aini Tengku Kasim and Faridah Che Husain, "Pendekatan Kaunseling Dalam Dakwah Bagi Kesejahteraan Insan dan Peradaban Ummah," *Jurnal Usuluddin* 23 (2006): 199-216.

Kaunseling terbahagi kepada beberapa jenis iaitu kaunseling individu,¹⁸ kaunseling berkelompok,¹⁹ dan kaunseling keluarga²⁰ yang sering diaplikasikan dalam proses membimbing individu untuk memahami diri dan keluar daripada konflik diri mereka²¹. Pelaksanaan teori kaunseling dengan integrasi pendekatan kaunseling Islam akan membantu wanita hamil luar nikah mengurangkan mereka dari mengulangi kesalahan dan menanamkan kebertanggungjawaban atas kesilapan mereka.²² Sehubungan itu, berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu, meskipun pelbagai teori dan pendekatan telah diperkenalkan sejak era perintis psikologi moden seperti Sigmund Freud, terdapat keperluan untuk mengintegrasikan Teori Realiti dengan pendekatan Psikologi ad-Din dalam konteks pengaplikasian kaunseling Islam.²³ Penggabungan kedua-dua pendekatan ini dilihat penting dalam merangka suatu model intervensi kaunseling yang seimbang dan holistik, yang mampu mengharmonikan keperluan psikologi individu dengan tuntutan keimanan, merangkumi dimensi fizikal, emosi dan kerohanian secara menyeluruh.

¹⁸ Melati Sumari, Norfaezah Md Khalid dan Norsafatul Aznin A. Razak, *Teori dan amalan kaunseling kerjaya*, (Penerbit Universiti Malaya, 2015).


¹⁹ Gerald Corey, *Theory and practice of counseling and psychotherapy*, Cengage learning, 2012.

²⁰ David Kleist and James Robert Bitter, "Virtue, ethics, and legality in family practice." *Theory and practice of family therapy and counselling*, (2009): 43-65.

²¹ Sapura Sipon dan Ruhaya Hussin, "*Teori kaunseling dan psikoterapi*," Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus 2008.

²² Silvianetri, Silvianetri, et al., "The Effectiveness of Islamic Counseling as a Da'wah Approach to Increase the Religious Awareness of Ex-prostitutes," *Jurnal Dakwah Risalah* 33, no. 1 (2022): 71-91.

²³ Abdullah Khairi Haroon dan Mohd Suhadi Mohamed Sidik, "Daya Tahan Diri Pelajar Tahfiz di JHEAIPP," *Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective* 1, no. 1 (2022).



Rajah 1.0: Gabungan teori Kaunseling Realiti dan Psikologi *Ad-din*
(Sumber: Adaptasi teori realiti oleh Glasser (2014) dan Psikologi Ad-din Othman Mohamed (2005))

Pendekatan teori Realiti berpendapat konflik tingkah laku klien timbul adalah disebabkan daripada tidak dipenuhi keperluan asas yang merangkumi aspek fisiologi dan psikologi. Menurut pandangan Glasser, manusia memerlukan lima keperluan asas untuk dipenuhi iaitu rasa ingin disayangi (*love & belonging*), kuasa, (*power*) kegembiraan (*fun*), kebebasan (*freedom*) dan keperluan untuk kehidupan (*survival*).²⁴ Selain itu, proses kaunseling teori realiti juga mengfokuskan tingkah laku semasa tanpa mencungkil tingkah laku yang lampau. Hal ini akan membantu klien wanita hamil luar nikah untuk lebih sedar kesan tingkah laku sekarang dan merancang strategi mencapai matlamat perubahan sendiri (Rajah 1.0).²⁵

Antara teknik pendekatan kaunseling Islam adalah pendekatan psikologi kognitif *ad-din* iaitu teknik penyampaian pengetahuan, teknik kebijaksanaan akal, teknik kawalan ke hadapan, pentafsiran ke atas

²⁴ Robert E Wubbolding, "A research base for choice theory/reality therapy," *International Journal of Choice Theory & Reality Therapy* 41, no. 1 (2021).

²⁵ Norizan Yusof, A. R. A. Aziz, and M. N. A. Wahab, "Analisa Keperluan Teknik Kaunseling Yang Sesuai dan Personaliti Pelajar Yang Bermasalah Di Institut Latihan Teknikal: Satu Kajian Kualitatif," *International Journal of Humanities Technology and Civilization* (2022): 77-86.

penceritaan, fatamorgana, perumpamaan, teknik penajaman *qalbu*, latihan pengulangan kata-kata mulia, *al Qalam* serta metafora dan analogi.²⁶

Kaunseling berkumpulan pula salah satu adalah pendekatan yang digunakan untuk mendorong individu menjadi lebih aktif dan merasa selamat dalam berkomunikasi dengan rakan-rakan seangkatan.²⁷ Perbincangan kajian lepas menunjukkan individu yang terlibat dalam kaunseling berkelompok ini didapati lebih menunjukkan peningkatan dalam penyelesaian masalah, peningkatan harga diri dan saling sokong satu sama lain.²⁸ Hal ini jelas menunjukkan bimbingan dan kaunseling Islam adalah satu pendekatan yang berkesan dalam membantu emosi dan perubahan tingkah laku wanita hamil luar nikah dalam membangunkan akhlak mereka.

Menerusi kaunseling Islam, penganjuran aktiviti kaunseling berdasarkan prinsip Islam untuk wanita hamil luar nikah adalah satu usaha yang penting untuk memberikan sokongan emosi, spiritual, dan praktikal kepada wanita yang berada dalam situasi ini. Aktiviti kaunseling harus bersifat penyayang, penuh empati, dan bebas daripada elemen menghukum.²⁹ Prinsip rahmat ini memastikan wanita hamil luar nikah tidak merasa terasing atau dihukum oleh masyarakat. Kaunselor perlu membimbing wanita tersebut ke arah memahami konsep taubat dan pengampunan dalam Islam. Allah Maha Pengampun (*Al-Ghaffar*) dan setiap individu diberi peluang untuk kembali kepada-Nya. Kaunseling juga perlu menekankan aspek penguatan akidah, keyakinan diri, dan pembangunan semula jati diri berdasarkan nilai Islam menerusi aktiviti spiritual, kelas fiqh wanita dan kaunseling individu serta kaunseling kelompok.³⁰

²⁶ Sapora Sipon, Mashitah Sulaiman dan Siti Aishah Yahya, *Psikologi Daripada Perspektif Islam & Barat*, Universiti Sains Islam MA, 2021.

²⁷ Nasrudin Subhi, et al., "*Pendekatan Kaunseling Kelompok Sebagai Kaedah Penerokaan Kendiri Remaja Rempit: Kajian Kes Kem Perkasa@Remaja*," *Proceedings ICOSH-UKM 2017*: 414.

²⁸ Abdul Rashid Abdul Aziz, et al., "Faktor Terapeutik Kaunseling Kelompok Dalam Meningkatkan Kesejahteraan Kendiri: Therapeutic Factors of Group Counseling in Improving Personal Well-Being," *International Journal of Humanities Technology and Civilization* (2023): 90-98.

²⁹ Hayatul Khairul Rahmat, et al., "*Understanding the Counselor's Competence in Guidance and Counseling Services with Inclusive Perspective*," Retrived from <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3739073> (2020).

³⁰ Rahmanisa, R., et al., "Strategi Mengembangkan Resiliensi Individu di Tengah Masa Pandemi COVID-19 Menggunakan Islamic Art Therapy [Strategy to Develop Individual Resilience in The Middle of the COVID-19 Pandemic using Islamic Art Therapy]," *Journal of Contemporary Islamic Counselling* 1, no. 1 (2021): 39-52.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes untuk menganalisis intervensi kaunseling dalam proses pemulihan di rumah perlindungan terpilih iaitu rumah perlindungan Baitus Solehah (BS), rumah perlindungan Generasiku Sayang (GKS) dan Pertubuhan Kebajikan Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Warda (DARWA). Bagi menjawab objektif kajian, pengumpulan data dijalankan melalui penelitian dokumen ke atas modul dan pamflet di rumah perlindungan tersebut. Data juga diperolehi dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur ke atas 10 orang yang terdiri daripada 6 orang pelatih dan 4 pihak autoriti rumah perlindungan. Informan dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Kriteria pemilihan sampel dalam kalangan wanita hamil luar nikah ialah penghuni rumah perlindungan terpilih, telah mempunyai anak atau sedang mengandung, tidak mempunyai suami, dan tidak mengalami penyakit mental. Manakala bagi kriteria pemilihan autoriti ialah individu yang menjalankan program pemulihan dan pihak yang bertanggungjawab merancang aktiviti di institusi perlindungan. Bagi analisis data, kajian ini menggunakan perisian *Atlas.ti* Edisi 9 untuk mengekodkan transkrip temu bual mengikut tema yang bersesuaian.

Institusi Perlindungan Wanita	Informan	Jumlah
Baitusolehah	Pengurus	3
	Pelatih 1	
	Pelatih 2	
Generasiku Sayang	Pengurus	3
	Pelatih 1	
	Pelatih 2	
Darul Warda	Pengurus	4
	Kaunselor	
	Pelatih 1	
	Pelatih 2	
Jumlah keseluruhan		10

Jadual 1.0 Informan Kajian

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

1. Demografi Informan

Demografi informan terdiri daripada 6 orang pelatih dan 4 orang autoriti di rumah perlindungan. Maklumat adalah seperti berikut:

Institusi Perlindungan	Pelatih	Umur	Usia bayi/ Kandungan	Tempoh menghuni	Asal
BS	1	25 tahun	Bayi 2 bulan	6 bulan	Shah Alam
	2	21 tahun	7 bulan	2 bulan	Terengganu
GKS	3	24 tahun	7 bulan	3 bulan	Kelantan
	4	20 tahun	Bayi 15 hari	10 bulan	Pulau Pinang
	5	21 tahun	Bayi 2 bulan	1 tahun	Selangor
DARWA	6	20 tahun	Bayi	11 bulan	Perak

Jadual 2.0 Pelatih Institusi Perlindungan Terpilih

2. Hasil Kajian

Berdasarkan penelitian dan temu bual, kajian ini mendapati tujuh aktiviti utama di bawah program pemulihan di rumah perlindungan; iaitu aktiviti penjagaan dan perlindungan, penjagaan antenatal dan postnatal, aktiviti bimbingan dan kaunseling, kemahiran vokasional, program bimbingan agama dan pendidikan, program kesedaran serta program komuniti. Kaunseling Islam merangkumi di bawah aktiviti bimbingan dan kaunseling dan program bimbingan agama serta pendidikan.



Rajah 2.0 Program di institusi perlindungan

Kewujudan Program Membimbing Secara Profesional

Wanita hamil luar nikah sangat memerlukan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling daripada kaunselor profesional berasaskan nilai Islam untuk membantu menyokong emosi dan memperbaiki tingkah laku mereka bagi mendapat keredhaan Allah.³¹ Peranan kaunselor dalam membantu wanita hamil luar nikah adalah membimbing, menasihati dan mendorong wanita hamil luar nikah ke arah kehidupan individu yang diredhai Allah dan menjauhkan diri mereka daripada perkara-perkara yang dilarang oleh Islam.³² Kebanyakan mereka yang ditempatkan di institusi melalui masalah gangguan emosi dan perubahan tingkah laku seperti rendah diri, *post partum* dan kekeliruan peranan. Oleh itu, golongan ini amat memerlukan bimbingan dan pemulihan khusus bagi proses pemulihan mereka. Keperluan kaunselor yang profesional sangat penting bagi mereka fokus kepada pemulihan khusus untuk wanita hamil luar nikah.

Bimbingan dan kaunseling Islam menjadi salah satu elemen penting dalam pemulihan akhlak wanita hamil luar nikah yang perlu dilihat

³¹ Granello, Paul F and Fred J. Hanna, "Incarcerated and Court-Involved Adolescents: Counseling an At-Risk Population," *Journal of Counseling & Development* 81, no. 1 (2003): 11-18.

³² Nurhalimah Mohamad Hassan and Siti Aishah Yahya, "Peranan kaunseling perspektif Islam dalam membantu atasi rasa fobia mangsa COVID-19," *Jurnal 'Ulwan* 8, no. 2 (2023): 262-270.

pelaksanaannya di institusi perlindungan secara profesional. Malah, pendekatan bimbingan kaunseling juga seharusnya meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah wanita hamil luar nikah.

Berdasarkan dapatan temu bual, institusi perlindungan DARWA menempatkan kaunselor berdaftar dalam menjalankan sesi kaunseling terhadap pelatih yang berada di institusi tersebut yang dikenali sebagai Kak Bai. Pihak institusi menitik berat pelaksanaan sesi kaunseling. Respon yang diterima daripada pengurus institusi menunjukkan bantuan daripada bimbing dan kaunseling serta sokongan moral dilaksanakan di institusi tersebut sebelum penempatan kaunselor bertauliah sepenuh masa.³³

Pelatih yang menghuni DARWA menyatakan mereka biasa berjumpa dengan kak Bai dan kak Nisha apabila mempunyai masalah dan mendapat jalan keluar daripada masalah menyelubungi beliau. Kak Nisha merupakan pengurus institusi perlindungan merangkap kaunselor sebelum penempatan kaunselor berdaftar.

Berdasarkan analisis temu bual menunjukkan bahawa Kak Bai sentiasa bersedia untuk mendengar masalah yang dihadapi. Hal ini menunjukkan pendekatan kaunseling oleh Kak Bai berfokus kepada empati dan sokongan emosi yang membantu pelatih merasa didengar dan difahami. Pelatih 6 turut mengakui bahawa kaunselor bertanya tentang pengalaman mereka, seperti punca kemasukan ke institusi telah membantu mereka menggali semula pengalaman dan mengenal pasti isu utama untuk ditangani. Malah, pelatih menyatakan Kak Bai memberikan nasihat berharga kepada Pelatih menekankan bahawa mereka harus fokus kepada melakukan perkara yang benar dan tidak mengambil kisah pandangan negatif orang lain. Dorongan ini mengingatkan mereka untuk berpegang kepada niat kerana Allah secara tidak langsung memberikan kekuatan mental dan spiritual untuk mereka menghadapi tekanan sosial. Keberanian pelatih untuk berkongsi masalah dengan kaunselor, seperti yang dinyatakan oleh Pelatih 6 dan 7 menunjukkan bahawa hubungan kaunseling ini dibina atas asas kepercayaan dan rasa selamat. Hal ini amat penting dalam konteks pemulihan, di mana pelatih mungkin mengalami trauma dan memerlukan tempat untuk meluahkan perasaan. Berdasarkan penyataan berikut:

³³ Puan Nisha (Pengurus institusi perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, 7 April 2018.

“Kak Bai kaunselor saya kalau ada masalah saya jumpa dengan dia, dia dengar.”³⁴

“Haa tu haah ada juga saya cakap dengan kak Bai saya macam mana lepas keluar ni nak hadap kawan-kawan ke dengan family. Pastu kak Bai cakap takpe jangan hiraukan apa yang orang nak kata just buat apa yang betul dekat diri Nani. kita jangan ambil kisah apa orang nak cakap kita just buat hanya kerana Allah Taala. Itu je.”³⁵

“Pernah. Yang cerita masalah kita dekat tu? Haaa pernah. Dia tanya kita masuk sini sebab apa, macam tu je. haah, dengan kawan-kawan.”³⁶

Namun begitu, terdapat juga pelatih tidak berminat berjumpa dengan kaunselor sebelum ini kerana mempunyai pengalaman pahit dengan cikgu kaunseling sekolah yang tidak membantu beliau dan pelatih merasakan cikgu kaunseling mengaibkan. Oleh hal demikian, hal tersebut memberi kesan terhadap diri pelatih serta tidak mempercayai kaunselor. Berdasarkan pernyataan berikut:

“Kalau saya, first kaunseling dengan Kak Nisha. saya jarang sangat kaunseling, sebab saya lebih suka- macam saya survive sendiri. Macam saya kata daripada dulu sebab saya macam tu. Saya pun jarang jumpa Kak Bai. Kak Bai kaunselor kat sini. Saya macam kalau saya ada masalah pun, saya tulis kat buku. Saya first kaunseling dengan Kak Nisha tu pun sebab Kak Nisha nak tahu kisah/kes saya. Yang tu je lah last saya kaunseling.”³⁷

Pelatih 6 juga menambah bahawa kesan daripada tidak mempercayai kaunselor sekolah membuatkan pelatih lebih suka menggunakan pendekatan menulis di dalam buku sebagai cara untuk meluahkan perasaan dan

³⁴ Pelatih 7 (Pelatih institusi perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, tarikh 7 April 2018.

³⁵ Pelatih 7 (Pelatih institusi perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, tarikh 7 April 2018.

³⁶ Pelatih 6 (Pelatih institusi perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, tarikh 7 April 2018.

³⁷ Pelatih 6 (Pelatih institusi perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, tarikh 7 April 2018.

menghadapi cabaran. Hal ini menunjukkan bahawa meskipun beliau kurang mengakses kaunseling formal, beliau tetap mencari kaedah alternatif untuk mengurus tekanan dan emosi. Pendekatan ini mungkin mencerminkan keperluan untuk ruang peribadi atau penyelesaian dalam menghadapi masalah tanpa melibatkan orang lain secara langsung. Namun begitu, kurangnya interaksi dengan kaunselor boleh menjadi cabaran dalam proses pemulihan. Hal ini demikian, sokongan profesional amat diperlukan untuk membantu individu memahami dan menangani emosi yang lebih kompleks. Ini berdasarkan penyataan berikut:

“Lepas daripada tu saya dah takde datang- kalau ada masalah pun saya kena tangani sendiri sebab macam dulu pun mak ayah saya yang handle, macam saya kena- apa masalah, saya kena cari punca saya sendiri. Saya cuba nak pergi kat kaunseling, tapi- dulu waktu sekolah saya benci kaunseling sebab cikgu pun tak banyak membantu, macam lebih mengaibkan. So, sebab tu saya tahankan diri saya, saya tulis dalam kertas, luahkan sendiri sorang-sorang, pastu nanti mungkin dengan cara tu pastu solat, dah, cukup. So, saya tak berapa ni sangat.”³⁸

Berdasarkan respon pelatih, keperluan diberi penekanan oleh setiap kaunselor berdaftar apabila kewujudan masalah ketidakpercayaan dalam kalangan masyarakat terhadap perkhidmatan kaunseling terutama golongan wanita berisiko akan menjejaskan nama baik perkhidmatan kaunseling. Hal ini demikian setiap kaunselor berdaftar tertakluk pada Akta Kaunselor 1998 bahagian A (1) sebagai kaunselor mempunyai tanggungjawab kepada klien untuk menjaga kerahsiaan kecuali perkara atas tuntutan undang-undang atau membahayakan orang lain.³⁹

Seterusnya, respon daripada kaunselor DARWA menunjukkan sesi kaunseling di institusi perlindungan DARWA akan berlangsung sebanyak 3 hari satu sesi. Hal ini disebabkan, pelatih di institusi tersebut kebiasaannya mereka mempunyai jadual penuh dengan aktiviti yang dijadualkan. Justeru itu, kaunselor tersebut bertindak untuk menyerapkan pendidikan tentang tanggungjawab sosial dan peranan sebagai wanita ketika mengajar mereka dalam kelas bukannya hanya ketika sesi kaunseling. Ini berdasarkan penyataan berikut:

“Kami disini sepatutnya setiap hari ada sesi kaunseling, tetapi pelatih pack dengan sesi pembelajaran jadi isu pun tiada setiap

³⁸ Pelatih 6 (Pelatih institusi perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, tarikh 7 April 2018.

³⁹ Akta Kaunselor Malaysia.

3 hari baru ada sesi. Disebabkan kurangnya sesi saya banyak attachment dengan mereka ketika mengajar, saya akan masuk-masuk kan pengetahuan dunia wanita, dunia anak-anak, tanggungjawab individu, sosial dan masyarakat."⁴⁰

Berdasarkan respon kaunselor menggambarkan terdapat beberapa jenis pendekatan kaunseling dilaksanakan di DARWA. Antara jenis kaunseling dijalankan adalah kaunseling secara individu, kaunseling keluarga dan kaunseling kelompok. Kaunseling individu adalah melibatkan interaksi satu-satu antara kaunselor dan pelatih, seperti yang dinyatakan oleh Pelatih 7. Kaunseling ini juga berfungsi untuk menangani isu-isu peribadi secara mendalam dan memberikan perhatian khusus kepada masalah individu. Malah, pendekatan ini memastikan privasi dan membolehkan pelatih berkongsi isu dengan lebih selesa tanpa gangguan daripada pihak lain.

Kaunseling keluarga pula melibatkan pelatih bersama ibu bapa dan adik-beradik mereka. Berdasarkan respon kaunselor menunjukkan institusi menggalakkan bentuk kaunseling ini untuk memperbaiki hubungan keluarga yang mungkin terganggu dan membina semula sokongan emosi antara pelatih dan keluarga. Manakala, pendekatan sesi berkumpulan penting bagi memastikan pelatih mendapat sokongan berterusan daripada keluarga setelah keluar dari institusi. Dalam sesi kelompok, pelatih yang menghadapi isu serupa dikelompokkan bersama untuk berbincang dan menyokong antara satu sama lain. Namun, kaunselor menyesuaikan fokus sesi berdasarkan isu utama yang dihadapi oleh setiap kumpulan.

Kaunselor juga menekankan pendekatan kumpulan berfokus mengikut isu yang dialami oleh pelatih apabila menjalankan sesi kaunseling kelompok seperti isu stres, tidak suka akan diri, penjagaan anak, mempunyai masalah kelakuan dan tidak sayang akan diri. Menerusi kaunseling kelompok untuk pelatih yang bergelut dengan rasa tidak berharga dan kurang keyakinan diri akan membantu mereka membina semula penerimaan dan penghargaan terhadap diri sendiri. Malah, sesi kelompok juga untuk pelatih disalurkan pendidikan Kemahiran Keibubapaan terutama mereka yang menghadapi kesukaran mengurus anak, termasuk penjagaan asas seperti penyusuan bayi dan tanggungjawab keibubapaan. Fokus sesi ini adalah memberi pengetahuan praktikal dan sokongan emosi kepada ibu muda. Selain itu pelatih yang sering mencarut atau bercakap kasar

⁴⁰ Puan Baizura (Kaunselor institusi perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, 7 April 2018.

dikelompokkan untuk belajar kemahiran komunikasi yang lebih positif dan terkawal. Mungkin penerokaan emosi pelatih akan membantu mereka mengurangkan perkataan yang kasar. Ini berdasarkan pernyataan berikut:

“Ada ada. Bentuk-bentuk kaunseling yang pertama individu. Kedua keluarga ah antara pelatih dan ibu bapa. Jika ada adik-beradik kita sangat menggalakkan. Kemudian ketiga kelompok. Itu sajalah yang kami. Ah. untuk yang kelompok ni special sikit sebab walalupun diorang ni semua ada kes hampir sama, tetapi isu utama yang menekan berbeza. Contoh, lima orang ke enam orang ni isu dia tidak suka diri dia langsung, tidak sayang diri dia langsung, so kita buat satu kelompok ni. Yang satu isu ni ah yang stress nak menangani tak tahu nak jaga anak ah. penjagaan anak yang rapi tak tahu, breastfeeding pun tak tahu kan. So kita fokuskan yang ni. So ada yang lain ah mulut yang tak reti nak jaga. Asyik-asyik mencarut asyik hari-hari hampir setiap hari. So kelompok yang ni, so ada kaunseling kelompok haa macam tu lah.”⁴¹

Pelatih 7 menyatakan bahawa kaunseling individu adalah pendekatan utama institusi, sementara sesi kelompok atau berkumpul hanya berlaku dalam konteks tertentu. Malah, program kaunseling berkumpul juga kadang-kadang dikendalikan oleh pelatih kaunseling (cikgu praktikal) untuk tujuan pembelajaran mereka. Ini berdasarkan pernyataan:

“Erm.one-to-one. Sebelum ni ada cikgu praktikal buat ramai-ramai, tu yang untuk dia punya. apa belajar dia haah. So kalau yang kitorang ni one-to-one.”⁴²

Kaunseling di institusi perlindungan DARWA menunjukkan dirancang secara strategik untuk menangani isu-isu spesifik yang dihadapi oleh pelatih. Kombinasi kaunseling individu, keluarga, dan kelompok bukan sahaja memperbaiki kesejahteraan pelatih tetapi juga membina kemahiran yang penting untuk kehidupan selepas melalui pemulihan di institusi. Pendekatan ini mencerminkan keprihatinan dan komitmen institusi terhadap pemulihan holistik setiap pelatih.

⁴¹ Puan Baizura (Kaunselor institusi perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, 7 April 2018.

⁴² Pelatih 7 (Pelatih institusi perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, 7 April 2018.

Berdasarkan temu bual bersama Pengurus BS pula menunjukkan institusi perlindungan Baitusolehah mendapatkan perkhidmatan kaunseling daripada Pensyarah, Jabatan Psikologi dan kaunseling, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Pihak luar tersebut menjalankan perkhidmatan kaunseling sebagai tanggungjawab sosial dengan memberi perkhidmatan secara sukarelawan. Selain itu, kenyataan pengurus tersebut menunjukkan pelaksanaan kaunseling bukan hanya dilaksanakan seorang tetapi jika individu tersebut tidak berkesempatan akan meminta pensyarah lain untuk menggantikan beliau. Ini berdasarkan pernyataan:

“Isnin yang dikendalikan jabatan kaunseling UTM ustaz ini datang mcam ini satu semester berapa siri berapa minggu kalau dia tak sempat akan panggil pensyarah pendidikan, pensyarah fakulti lain itu sumbangan sosial UTM. Ada satu lagi kaunselor bertauliah dia ada khidmat luar, disini dia bagi secara sukarela disini petang khamis.”⁴³

Pengurus BS menyatakan juga sesi kaunseling adalah setiap hari Khamis sebelah petang. Kaunselor akan datang secara berkala dan akan memaklumkan beliau awal berkenaan kehadiran kaunselor. Kenyataan beliau adalah seperti berikut:

“Kaunselor sepatut datang khamis saya akan maklum awal-awal. Biasa yang datang akan bagitahu dan berkala yang datang.”⁴⁴

Namun begitu, maklum balas yang diperolehi daripada pelatih yang ditemu bual menunjukkan mereka banyak berkongsi masalah dengan umi atau Puan Muna Liza selaku pengurus institusi perlindungan. Pelatih BS mengatakan:

“Mula-mula agak tertekan dan ada yang tak sehaluan dan mira akan mengadu dekat umi jika ada masalah.”⁴⁵

Respon ini menggambarkan BS bukan sahaja menjalankan program membimbing dengan kaunselor luar tetapi pengurus institusi juga bertindak

⁴³ Puan Muna Liza (Pengurus institusi perlindungan Baitus Solehah), dalam temu bual bersama penulis, 27 Mac 2018.

⁴⁴ Puan Muna Liza (Pengurus institusi perlindungan Baitus Solehah), dalam temu bual bersama penulis, 27 Mac 2018.

⁴⁵ Pelatih 1 (Pelatih institusi perlindungan Baitus Solehah), dalam temu bual bersama penulis, 27 Mac 2018.

sebagai tempat mereka meluahkan dan berkongsi kecelaruan yang dilalui. Hasil perkongsian mereka dengan Puan Muna Liza menampakkan kesan positif lagi-lagi apabila pengurus tersebut membahaskan dirinya sebagai Umi. Pendekatan berorientasikan kekeluargaan ini menjadikan mereka berasa senang dan mempunyai tempat untuk mereka berkongsi luahan hati. Tambahan lagi, pengurus BS adalah seorang bekas guru yang mempunyai jiwa mendidik dan membimbing menjadikan beliau mudah memahami psikologi wanita muda. Hal ini dapat dibuktikan dengan respon daripada pelatih BS menjadikan mereka lebih baik dan tenang selepas berkongsi masalah dengan Umi. Berdasarkan pernyataan berikut:

“Sebelum ni rasa serabut tapi sekarang lebih rasa tenang dan banyak belajar jadi orang yang lebih tenang.”⁴⁶

Manakala, berdasarkan temu bual pengurus GenerasiKu Sayang, beliau menyatakan GKS mendapatkan perkhidmatan kaunseling daripada pegawai psikologi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Respon daripada pelatih tidak menunjukkan mereka berjumpa dengan kaunselor tetapi sebaliknya menangani masalah emosi dengan mengamalkan bacaan Al Quran. Sepanjang temu bual dilaksanakan juga pelatih tidak memberi respon dengan baik dan memaparkan sikap dingin dalam merespon soalan pengkaji. Ini berdasarkan pernyataan berikut:

“Ada marah itu, kalau rasa marah umairah baca Quran.”⁴⁷

“Saya murung. Iya rasa tak guna, dan rasa nak bersalin cepat.”⁴⁸

Namun begitu, maklum balas yang diterima daripada pengurus GKS mengenai hal program kaunseling bertentangan dengan respon pelatih yang menyertai kajian ini. Pengurus GKS menyatakan dalam temu bual yang dijalankan. Ini berdasarkan pernyataan berikut:

“Cuma membantulah kaunselor dekat sini dia lagi expert bab begini tapi ada tak pelatih dekat sini meluahkan perasaan dekat

⁴⁶ Pelatih 2 (Pelatih institusi perlindungan Baitus Solehah), dalam temu bual bersama penulis, 27 Mac 2018.

⁴⁷ Pelatih 4 (Pelatih institusi perlindungan GenerasiKu Sayang), dalam temu bual bersama penulis, 7 Oktober 2018.

⁴⁸ Pelatih 3 (Pelatih institusi perlindungan GenerasiKu Sayang), dalam temu bual bersama penulis, 7 Oktober 2018.

kaunselor sini... meluahkan perasaan ada jugaklah. sedih masa nak bagi anak nak buat penyerahan.”⁴⁹

Respon tersebut menggambarkan GKS melaksanakan bimbingan dan kaunseling terhadap pelatih mereka dengan mendengar luahan perasaan yang gusar apabila penyerahan anak kepada orang lain dan memberi sokongan moral dalam mereka menangani emosi sedih tersebut. Merujuk kepada percanggahan kenyataan pelatih, pengkaji telah mengajukan soalan kepada pengurus berkaitan respon pelatih. Penjelasan daripada pengurus adalah menyatakan pelatih 2 tidak mengikuti modul pemulihan secara sepenuhnya di GKS kerana pelatih tersebut tidak konsisten menghuni institusi perlindungan itu sebelum melahirkan anaknya. Tambah lagi, mengikut keterangan oleh kedua-dua pelatih lain yang berada di institusi tersebut, pelatih tersebut baru menghuni institusi GKS selama 3 bulan. Berdasarkan pernyataan berikut:

“Pernah masuk sini masa kandungan berumur 16 minggu, lepas itu keluar semasa kandungan berusia lima bulan, dan masuk semula ketika kandungan 8 bulan kerana rasa bosan disini.”

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati kewujudan perkhidmatan kaunseling secara profesional di ketiga-tiga institusi perlindungan. Namun begitu, penempatan kaunselor hanya didapati di DARWA manakala GKS dan BS tiada sebarang penempatan secara khusus dan menggunakan khidmat kaunselor luar yang bertauliah. Oleh itu, pelaksanaan aktiviti membimbing dan kaunseling tidak berjalan sepanjang masa sebaliknya hanya masa yang ditetapkan.

Penganjuran Aktiviti Kaunseling Berdasarkan Prinsip Islam

Kaunseling Islam adalah salah satu pendekatan dakwah yang membantu manusia untuk kembali semula ke jalan yang redhai Allah. Dapatan kajian ini menunjukkan program bimbingan dan kaunseling di institusi perlindungan DARWA menekankan pendekatan prinsip Islam seperti amalan zikir, selawat dan mengambil wuduk bagi mengawal emosi kemarahan. Berdasarkan kenyataan kaunselor DARWA menunjukkan

⁴⁹ Puan Siti (Pengurus institusi perlindungan GenerasiKu Sayang), dalam temu bual bersama penulis, 7 Oktober 2018.

institusi ini sangat menekankan pendekatan spiritual dalam proses bimbingan kaunseling seperti berikut:

“Bila rasa marah connection dengan hadith, ambil wuduk, bila marah duduk, baring, lebih kepada unsur-unsur kerohanian seperti selawat, zikir. mreka sendiri akui mereka selubungi ketakutan yang sangat-sangat, saya sampai satu tahap boleh tak ambil tasbeih tak boleh fokus sangat, tapi tangan awak sentiasa bergerak. Memang disini pendekatan spiritual ditekankan.”⁵⁰

Selain itu, kaunselor DARWA, Puan Baizura menekankan pentingnya hubungan yang baik antara kaunselor dan pelatih untuk memastikan pelatih merasa didukung dan diterima. Puan Baizura menggunakan *attachment body* sebagai pendekatan untuk mencipta hubungan emosi yang lebih mendalam dengan pelatih. Namun, beliau memastikan batasan tertentu supaya tidak menimbulkan ketidakseimbangan dalam dinamik kumpulan atau persepsi di kalangan pelatih. Walau bagaimanapun, beliau berhati-hati agar hubungan ini tidak terlalu eksklusif sehingga menimbulkan rasa istimewa yang berlebihan kepada pelatih tertentu, yang boleh membawa kepada konflik dengan pelatih lain. Beliau berpendapat hubungan kaunselor dan pelatih perlu bersifat inklusif, di mana kaunselor dilihat sebagai sokongan untuk semua. Berdasarkan kenyataan berikut:

“Pendekatan kaunseling saya banyaknya kalau teori mereka disini perlu ada attachment dengan kami jadi saya lebih kepada pemusatan insan dan teori kewujudan sebab saya nak mereka rasa ada tanggungjawab sebagai seorang anak, sebagai seorang manusia berjaya dunia dan akhirat dan mereka terapkan apa yang mereka belajar disini kepada anak-anak. Maksudnya bila mereka dah lakukan kepada ibu bapa saya banyak menekankan awak nak ke anak-anak awak buat begini, saya banyak memberi bayangan situasi, saya banyak attachment body. tetapi tidak boleh berlebihan jika kaunselor terlalu fokus mereka rasa mereka terlalu istimewa jadi dia akan bagitahu orang aku rapat dengan pengurusan, mula akan boikot bila saya tengok sebegitu saya tidak buat sebegitu.”

Kaunselor DARWA menambahkan bahawa beliau menggunakan pendekatan teori kaunseling barat yang dintegrasikan dengan bimbingan

⁵⁰ Puan Baizura (Kaunselor institusi perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, 7 April 2018.

kaunseling Islam seperti Teori pemusatan insan yang membentuk konsep sendiri, Teori kewujudan digunakan untuk membantu pelatih memahami peranan mereka sebagai anak, ibu, dan individu yang bertanggungjawab. Teori realiti yang membina keperibadian seseorang untuk bertanggungjawab dengan setiap keputusan yang akan dilaksanakan. Beliau juga menjelaskan setiap pendekatan ini adalah bertujuan untuk mewujudkan perasaan bertanggungjawab sebagai anak dan keinginan menjadi manusia yang berjaya dunia akhirat. Teknik yang dilaksanakan oleh Kaunselor DARWA adalah bergantung kepada isu yang dikongsikan pelatih kepada beliau. Dalam konteks pelatih yang gagal menyelesaikan tugas atau terlibat dalam pergaduhan, pendekatan kaunselor lebih kepada mencari penyelesaian segera dan menangani isu emosi yang menyebabkan tingkah laku tersebut. Berdasarkan respon kaunselor DARWA, beliau memberi fokus dalam membina tanggungjawab, kesedaran diri, dan penyelesaian masalah secara praktikal. Pendekatan ini memastikan bahawa pelatih bukan sahaja mendapat sokongan emosi tetapi juga dibimbing untuk menjadi individu yang bertanggungjawab dalam kehidupan peribadi dan sosial mereka. Berdasarkan kenyataan berikut:

*“Kaunselor adalah untuk semua. Itu jenis kes secara general bahagian mengandungi ke pendekatan kaunseling WDEP. Tetapi ada isu semasa yang perlu menangani waktu itu juga tidak buat tugas, tengok ja seseorang dan ada ngangu emosi. Saya guna realiti mencari penyelesaian waktu itu juga sebab ada ja isu baru-baru seorang tak buat tugas, gaduh-gaduh bertampar bertumbuk and the end masuk hospital. kena masuk gas benda ini salah satu kes lain adalah sebab kena tumbuk.”*⁵¹

Beliau juga menambahkan kenyataan beliau bahawa pendekatan spiritual dalam sesi kaunseling memberi kesan yang besar terutamanya dalam mendidik pelatih mengenali Allah melalui sifat-sifat Allah. Selain itu, beliau juga menyatakan pengamalan rutin harian di institusi tersebut dipenuhi dengan solat berjemaah dan solat dhuha boleh membantu mereka mengubah tingkah laku ke arah kembali kepada fitrah. Malah, beliau menyatakan proses kaunseling ini adalah untuk membantu pelatih mengatasi emosi dan dapat mengadaptasi realiti diluar setelah tamat tempoh menjalani pemulihan di institusi tersebut. Berdasarkan kenyataan berikut:

⁵¹ Puan Baizura (Kaunselor institusi perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, 7 April 2018.

*"Sampai tahap itu besarnya impak spiritual kepada pelatih. Kepada orang biasa kita guna tingkah laku, disini kita guna pendekatan back to nature kembali kepada fitrah, kita macam ajar anak-nak tadika kenal tak allah itu siapa asma al husna macam mana, hari-hari mereka dipenuhi dengan solat Jemaah, solah dhuha tidak tinggal kita nak mereka bukan sahaja boleh coping emosi disini bawak diri berhadapan dengan realiti diluar.ada kalangan pelatih disini maksimum dua tahun lah."*⁵²

Berdasarkan respon Pengurus BS menunjukkan aktiviti bimbingan dan kaunseling dilaksanakan dengan mengaplikasikan pendekatan halaqah rohani. Pelaksanaan halaqah rohani ini dikendalikan oleh sukarelawan daripada Jabatan Kaunseling UTM pada setiap Isnin petang. Kaedah halaqah adalah salah satu pendekatan pendidikan yang telah dilaksanakan sejak zaman Rasulullah dalam menceritakan risalah tauhid kepada para sahabat. Merujuk kamus *Mu'jam al-Wasit*, perkataan halaqah membawa maksud iaitu satu kumpulan yang duduk dalam bulatan untuk mempelajari sesuatu ilmu daripada seseorang guru.⁵³ Hal ini menunjukkan institusi ini menjalankan program kaunseling yang membuka peluang pelatih berinteraksi dengan rakan-rakan lain dalam satu kumpulan dengan pantauan sukarelawan yang mempunyai kemahiran kaunseling. Ini berdasarkan kenyataan berikut:

*"Halaqah rohani kita ada sendiri sukarelawan setiap petang isnin yang dikendalikan jabatan kaunseling UTM ustaz ini datang mcam ini satu semester berapa siri berapa minggu."*⁵⁴

Respon daripada pengurus GKS pula menunjukkan pihak institusi menggunakan pendekatan nasihat dan pujukan apabila pelatih sedih terutamanya ketika penyerahan anak mereka kepada pihak lain. Sebagai seorang ibu yang melahirkan anak, penyerahan anak mereka sebagai anak angkat kepada keluarga angkat pasti memberi kesan kepada psikologi mereka. Pihak institusi juga mengingatkan ibu bahawa walau apa pun keadaan, anak itu tetap darah daging mereka. Hal ini membantu mengurangkan rasa bersalah dan kesedihan yang mungkin dialami oleh ibu selepas penyerahan. Oleh itu, pihak institusi menyatakan mereka akan

⁵² Puan Baizura (Kaunselor institusi perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, 7 April 2018.

⁵³ Iskandar, Bandar Baru Seri, "Manifestasi Kaedah Halaqah Pada Zaman Rasulullah SAW: Aplikasi Dalam Sistem Pengajian Pondok Terpilih di Negeri Kelantan," (2020).

⁵⁴ Puan Muna Liza (Pengurus institusi perlindungan Baitus Solehah), dalam temu bual bersama penulis, 27 Mac 2018.

memujuk untuk pelatih untuk redha dengan penyerahan tersebut untuk kebaikan kedua-dua pihak sama ada anak dan ibu. Dalam konteks dakwah, pendekatan nasihat dan pujukan adalah salah satu usaha cara memikat hati bagi melembutkan hati pelatih supaya dapat menerima perubahan kehidupan dan menjadi kata-kata semangat bagi mereka merasional pemikiran berlandaskan kerangka ideologi Islam⁵⁵ sebagaimana kenyataan berikut:

“Sedih masa nak bagi anak, nak buat penyerahan jadi pihak kami pun berilah nasihat, memberi tahu inilah yang terbaik untuk mereka, pujuk untuk redha walau bagaimana pun tetap anak dia juga (GKS).”

Pengurus menambah lagi bahawa sokongan emosi di GKS juga dilaksanakan melalui pengajian al-Quran yang dijalankan oleh Ustazah daripada Majlis Agama Islam Kelantan. Pendekatan kerohanian yang diterapkan di institusi GenerasiKu Sayang (GKS) adalah sebahagian daripada sokongan emosi dan pemulihan pelatih. Pelatih diberikan pendidikan asas agama Islam yang merangkumi pengajian Al-Quran dan pelaksanaan solat. Pendekatan ini juga dilihat bertujuan membina semula asas kerohanian mereka yang mungkin terabai sebelum ini akibat pelbagai cabaran kehidupan. Ini berdasarkan kenyataan berikut:

“Dari segi emosi maksudnya kerohanian pengajian al-Quran ajar basic sahaja lah solat semua tu memang daripada ustazah yang daripada MAIK.”

Maklum balas daripada pihak autoriti institusi menunjukkan bahawa kaunseling berlandaskan Islam bukan sahaja menjadi pendekatan utama tetapi juga kaedah yang berkesan dalam meningkatkan kesejahteraan jiwa pelatih. Dengan menitikberatkan prinsip Islam, kaunseling akan membantu pelatih memperoleh kedamaian, membina kepercayaan diri, dan kembali menjalani kehidupan dengan panduan agama yang teguh.

Berdasarkan analisis terhadap dapatan kajian, didapati bahawa institusi perlindungan menyediakan perkhidmatan kepada wanita hamil luar nikah tidak memiliki modul kaunseling Islam yang khusus dan sistematik. Ketidadaan modul yang berstruktur ini menunjukkan wujudnya kelompangan dalam pendekatan intervensi yang menyepadukan prinsip-prinsip kaunseling profesional dengan nilai-nilai Islam secara menyeluruh. Hal ini turut

⁵⁵ Totok Jumanoro, *Psikologi dakwah: dengan aspek-aspek kejiwaan yang Qur'ani*, Penerbit Amzah (2001).

mencerminkan keperluan mendesak untuk membangunkan modul kaunseling Islam yang bersifat komprehensif, yang bukan sahaja menekankan aspek psikologi dan emosi, tetapi turut merangkumi dimensi spiritual, sosial dan moral yang sesuai dengan keperluan golongan sasaran dalam konteks masyarakat Malaysia. Selain itu, hasil analisis turut menunjukkan bahawa kebanyakan institusi perlindungan tidak menyediakan penjawatan tetap bagi kaunselor yang memiliki kepakaran khusus dalam menangani isu wanita hamil luar nikah. Ketiadaan kaunselor tetap yang berkemahiran dalam bidang ini menimbulkan implikasi terhadap keberkesanan intervensi kaunseling yang ditawarkan, khususnya dari segi kesinambungan perkhidmatan, kefahaman terhadap latar belakang klien, serta keupayaan menyediakan pendekatan yang bersifat empatik, bersepadu dan berorientasikan pemulihan

KESIMPULAN

Intervensi kaunseling Islam bagi pemulihan wanita hamil luar nikah adalah sangat penting bagi membantu jiwa klien kembali kepada fitrah. Berdasarkan dapatan kajian, didapati institusi perlindungan BS dan GKS menjalankan perkhidmatan kaunseling di institusi perlindungan namun ketiadaan penempatan khas untuk perjawatan kaunselor menjadikan ia satu kekurangan dalam pelaksanaan pemulihan wanita hamil luar nikah. Keperluan kaunselor terlatih dan pelaksanaan protokol khas dalam membantu wanita kehamilan luar nikah adalah sangat penting. Walaupun institusi perlindungan DARWA mempunyai kaunselor lantikan tetap namun kaunselor tersebut perlu diberikan pendedahan pengetahuan dalam mengendali kes kehamilan luar nikah.

Setiap kaunselor juga dicadangkan agar diberi latihan pendekatan kaunseling Islam dan kaunseling silang budaya. Selain itu, institusi juga tidak mempunyai modul khas dan intervensi kaunseling wanita hamil luar nikah. Hal ini menunjukkan perkhidmatan kaunseling di institusi perlindungan tidak dijalankan secara profesional secara keseluruhan. Berdasarkan teori kaunseling Realiti dan *Ad-din* yang dinyatakan, pengkaji mendapati kaunselor menggunakan pendekatan teknik kaunseling Islam dalam membantu pemulihan wanita hamil luar nikah. Pendekatan kaunseling Islam digunakan bagi membantu wanita hamil luar nikah berkongsi emosi dan perasaan serta mereka dapat meningkatkan keupayaan penyelesaian masalah. Namun, masih tidak menjalankan secara keseluruhan atas kekangan masa dan tanggapan negatif pelatih terhadap perkhidmatan kaunseling.

Konklusinya, intervensi kaunseling Islam yang dipraktis di institusi perlindungan dalam program-program pemulihan didapati kurang mengikut protokol kaunseling yang ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor. Oleh hal demikian, pihak rumah perlindungan disyorkan untuk memastikan pengendalian program kaunseling oleh kaunselor yang bertauliah dalam pelaksanaan pendekatan kaunseling Islam.

RUJUKAN

Abdu Rahman Ibrahim, Peranan Kaunseling dalam Dakwah: Kajian Khusus di Unit Kerjaya dan Kaunseling Institut Teknologi Mara (ITM) Shah Alam Selangor (Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 2001).

Abdul Rashid Abdul Aziz et al., "Faktor Terapeutik Kaunseling Kelompok dalam Meningkatkan Kesejahteraan Kendiri: Therapeutic Factors of Group Counseling in Improving Personal Well-Being," *International Journal of Humanities Technology and Civilization* (2023): 90–98.

Abdullah Khairi Haroon dan Mohd Suhadi Mohamed Sidik, "Daya Tahan Diri Pelajar Tahfiz di JHEAIPP," *Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective* 1, no. 1 (2022).

David Kleist and James Robert Bitter, "Virtue, Ethics, and Legality in Family Practice," in *Theory and Practice of Family Therapy and Counseling* (2009), 43–65.

Gerald Corey, *Theory and Practice of Counseling and Psychotherapy* (Boston: Cengage Learning, 2012).

Paul F. Granello and Fred J. Hanna, "Incarcerated and Court-Involved Adolescents: Counseling an At-Risk Population," *Journal of Counseling & Development* 81, no. 1 (2003): 11–18.

Hae Won Kim, Duck Hee Kim, Hyang Yuol Lee Young Jin Lee 4 and Hye Young Ahn 5ORCID"Adult perceptions of healthy pregnancy: a focus-group study." *International Journal of Environmental Research and Public Health* 17, no.7 (2020): 2460

Hayatul Khairul Rahmat, Ela Nurmalasari, Lina Dwi Puryanti, Muhammad Syifa'ussurur, "Understanding the Counselor's Competence in Guidance and Counseling Services with Inclusive Perspective." Retrived from [http://dx. doi. org/10.2139/ssrn.3739073](http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3739073) (2020).

- Melati Sumari, Norfaezah Md. Khalid, dan Norsafatul Aznin A. Razak, *Teori dan Amalan Kaunseling Kerjaya* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2015).
- Mohd Khir Johari Abas, "Faktor Perkembangan Kaunseling Islam di Malaysia: Satu Kajian: Development Factor of Islamic Counselling in Malaysia: A Study." *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* 2, no.2 (2018): 29-35.
- Mohd Zainuddin Abu Bakar, et al. "Bimbingan Spiritual Di Hospital Mesra Ibadah (HMI) di Malaysia: Kajian Kes." *Borneo International Journal of Islamic Studies (BIJIS)* (2020): 67-81.
- Muhammad Afif Zakwan Raizan and Khazri Osman. "Kaedah Berdakwah Menerusi Bimbingan Dan Kaunseling Method of Dakwah Through Guidance and Counselling." *Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah 2022, Interaksi Dakwah Di Malaysia Merentas Zaman*, 14-15 Julai 2022
- Nasrudin Subhi, Salina Nen, Zaini Said, Norhayati Ibrahim, Zainah Ahmad Zamani. "Pendekatan Kaunseling Kelompok Sebagai Kaedah Penerokaan Kendiri Remaja Rempit: Kajian Kes Kem Perkasa@Remaja." *Proceedings ICOSH-UKM* 2017: 414.
- Norisham, Mohd Al Hafiz, dan Muhammad Aziz Shah Mohamed Arip. "Pola Pemikiran Dan Tingkah Laku Kecelaruhan Bipolar Menggunakan Teknik Penstrukturan Kognitif Berdasarkan Neo-Cognitive Behavioral Therapy." *Jurnal Dunia Pendidikan* 4, no.3 (2022): 365-373.
- Norizan Yusof, A. R. A. Aziz, dan M. N. A. Wahab. "Analisa Keperluan Teknik Kaunseling Yang Sesuai dan Personaliti Pelajar Yang Bermasalah Di Institut Latihan Teknikal: Satu Kajian Kualitatif: Analyzing the Needs of Appropriate Counseling Techniques and Personality of Problematic Students in Technical Training Institute: A Qualitative Study." *International Journal of Humanities Technology and Civilization* (2022): 77-86.
- Nurhalimah Mohamad Hassan and Siti Aishah Yahya. "Peranan kaunseling perspektif Islam dalam membantu atasi rasa fobia mangsa COVID-19." *Jurnal 'Ulwan* 8, no.2 (2023): 262-270.
- Nursyahidah Ibrahim, Nurul Husna Mansor, and Yusmini Md Yusoff. "Bentuk-Bentuk Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks di Malaysia:

Suatu Sorotan Literatur: Classifications of Moral Rehabilitation for Sex Offenders in Malaysia: A Literature Review." *Jurnal Usuluddin* 48, no.2 (2020): 1-23.

Rahmanisa, R., Hayatul Khairul Rahmat Irza Cahaya, Octari Annisa Suandara Pratiwiet al. "Strategi Mengembangkan Resiliensi Individu di Tengah Masa Pandemi COVID-19 Menggunakan Islamic Art Therapy [Strategy to Develop Individual Resilience in The Middle of the COVID-19 Pandemic using Islamic Art Therapy]." *Journal of Contemporary Islamic Counselling* 1, no.1 (2021): 39-52.

Robert E Wubbolding, "A research base for choice theory/reality therapy." *International Journal of Choice Theory & Reality Therapy* 41, no.1 (2021).

Salasiah Hanin Hamjah. "Bimbingan spiritual menurut al-Ghazali dan hubungannya dengan keberkesanan kaunseling: Satu kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAINS)." *Islamiyyat* 32 (2010): 41.

Salina Nen dan Farah Hidayah Hashim. "Cabaran Menyesuaikan Diri Sebagai Ibu Muda Dalam Kalangan Remaja Hamil Luar Nikah: Satu Kajian Kualitatif (Challenges of Adapting to Motherhood Among Unwed Adolescents Mother: A Qualitative Study)," *Jurnal Psikologi Malaysia*, 2020, 34, no.2.

Sapora Sipon dan Ruhaya Hussin. *Teori Kaunseling dan Psikoterapi*. Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus 2008.

Sapora Sipon, Mashitah Sulaiman dan Siti Aishah Yahya. *Psikologi Daripada Perspektif Islam & Barat*. Universiti Sains Islam MA, 2021.

Silvianetri, Irman, Khairunnas Rajab, Zulamri, Zubaidah Zubaidah dan Zulfikar. "The Effectiveness of Islamic Counseling as a Da'wah Approach to Increase the Religious Awareness of Ex-prostitutes." *Jurnal Dakwah Risalah* 33, no.1 (2022): 71-91.

Siti Hajar Abu Bakar, Haris Abdul Wahab, dan Siti Balqis Mohd Azam. "Pelaksanaan Terapi Tingkah Laku Kognitif Dalam Program Pemulihan Terapeutik Berasas Institusi Untuk Remaja Hamil Luar Nikah." *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia* 17, no.1 (2019): 83-90.

Sumitra Valaitham, Raihanah Abdullah dan Nurul Husna Mansor "Penglibatan Komuniti Dalam Program Pemulihan Remaja Hamil Luar Nikah Di Rumah Perlindungan Terpilih: Community Involvement in The Rehabilitation Programme Of Unmarried Pregnant Teenagers At Selected Shelter Home." *Jurnal Syariah* 32, no.1 (2024): 100-128.

Suradi Salim. *Bimbingan dan Kaunseling*. Utusan Publications, 1996.

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Faridah Che Husain. "Pendekatan Kaunseling Dalam Dakwah Bagi Kesejahteraan Insan dan Peradaban Ummah." *Jurnal Usuluddin* 23 (2006): 199-216.

Totok Jumanthoro, Psikologi dakwah: dengan aspek-aspek kejiwaan yang Qur'ani. Penerbit Amzah, 2001.

Laman Web:

Astro Awani, "Pendaftaran Anak Tidak Sah Taraf Sejak 2020," 9 Disember 2024, <https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/133946-pendaftaran-anak-tidak-sah-taraf-sejak-2020-x9ah854>

Bernama, "509 Kes Buang Bayi Dilaporkan Sejak 2018 hingga Februari Lalu," Berita Harian, 24 January 2024, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1227819/509-kes-buang-bayi-dilaporkan-sejak-2018-hingga-februari-lalu>

United Nations Population Fund (UNFPA), "Nearly Half of All Pregnancies Are Unintended: Global Crisis, Says New UNFPA Report," <https://www.unfpa.org/press/nearly-half-all-pregnancies-are-unintended-global-crisis-says-new-unfpa-report>

World Health Organization, "Adolescent Pregnancy," 23 Februari 2018, <https://www.who.int/newsroom/fact-sheets/detail/adolescent-pregnancy>